

1256385G2

Disemak 2016-11

Rx Sahaja

STERIL

Pembalut Penutup Pembedahan Hydrofiber™ dengan Perak

ARAHAN PENGGUNAAN

BAHASA MELAYU

PENERANGAN PRODUK

Pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL™ Ag merupakan pembalut pasca operatif yang terdiri daripada pad dalaman (tempat terkena luka) bukan tenunan terdiri daripada teknologi Hydrofiber™ dan perak ionik yang dijahit dengan nilon dan benang elastan. Pad ditahan di tempatnya di antara lapisan atas Hidrokoloid yang terikat kepada lapisan poliuretana dan lapisan terkena kulit bertingkap yang terdiri daripada lapisan poliuretana yang dikapit di antara dua lapisan tambahan Hidrokoloid. Lapisan luar poliuretana pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL Ag menyediakan sawar bakteria dan virus untuk mengurangkan risiko jangkitan dengan syarat pembalut kekal kemas dan tidak terdapat sebarang kebocoran.

Perak di dalam pembalut membantu mengurangkan risiko jangkitan luka.

Pad Hydrofiber tengah yang sangat menyerap, menyerap dan mengekalkan kebocoran serosanguinous dan mengubahnya menjadi gel lembut yang mengekalkan persekitaran lembap untuk menyokong proses penyembuhan badan.

Komponen hidrokoloid pembalut menyediakan lekatan yang kemas, mesra kulit dan menyokong penanganan tidak traumatis pembalut sambil meminimumkan kerrosikan kepada kulit sekitar yang ada.

Pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL Ag merupakan pembalut kalis air, sawar bakteria dan viral yang direka untuk menyesuaikan dengan perubahan dalam geometri luka/insisi semasa pergerakan badan dan edema pasca operatif.

Indikasi

Di bawah penyeliaan pakar kesihatan, pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL Ag boleh digunakan untuk pengurusan:

Penyembuhan luka melalui intensi primer (cth. luka/insisi traumatis dan pasca elektif) dan sebagai halangan berkesan kepada penembusan bakteria untuk membantu mengurangkan jangkitan.

Kontraindikasi

Pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL Ag tidak seharusnya digunakan pada individu yang sensitif kepada pembalut atau komponennya atau mempunyai tindak balas alergi kepada pembalut atau komponennya.

Langkah Berjaga-jaga dan Pemerhatian

Amaran: Kesterilan adalah dijamin melaninkan jika beg telah rosak atau dibuka sebelum digunakan.

Peranti ini hanya untuk penggunaan tunggal sahaja dan tidak boleh digunakan semula. Penggunaan semula boleh menyebabkan peningkatan risiko jangkitan dan pencemaran silang. Sifat fizikal peranti mungkin tidak lagi optimum.

Oleh sebab proses pensterilan mungkin ada sedikit bau semasa membuka pakej utama.

Jangan mengenakan pembalut di bawah ketegangan.

Adalah tidak disyorkan untuk memotong pembalut.

Pilih saiz pembalut untuk memastikan hubungan langsung antara luka/insisi dan pad Hydrofiber. Kawasan pelekat tidak seharusnya terkena luka/insisi.

Pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL Ag tidak direka sebagai ganti kepada kaedah penutupan utama seperti kokot atau sutur.

Sekiranya jangkitan terbentuk semasa penggunaan pembalut, terapi antibiotik yang sesuai perlu dimulakan. Penggunaan pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL Ag boleh diteruskan, tetapi kemajuan luka/insisi perlu dipantau dengan teliti dan semua rawatan perlu di bawah penyeliaan perubatan.

Pembalut tidak serasi dengan produk berasaskan minyak seperti petrolatum.

Walaupun ia telah diperhatikan bahawa produk tertentu yang mengandungi perak boleh menyebabkan penyahwarnaan kulit berikutkan penggunaan berpanjangan, kajian klinikal dengan produk yang mengandungi Teknologi Hydrofiber dengan perak ionik telah menunjukkan tiada penyahwarnaan.

Arahah Penggunaan

1. Sebelum mengenakan pembalut, bersihkan tapak luka/insisi, bilas dengan salin steril dan keringkan kulit di sekelilingnya.

2. Pilih saiz pembalut untuk memastikan hubungan langsung antara luka/insisi dan pad Hydrofiber.

3. Keluarkan pembalut dari pek steril.

4. Mula-mula keluarkan 3/4 daripada kertas lapik sepanjang panjang pembalut dengan meminimumkan sentuhan jari dengan pad tengah dan permukaan pelekat.

Letakkan di satu sisi baris luka/insisi. Gulingkan pembalut perlahan-lahan di atas luka/garisan insisi dan bentukkan di tempatnya.

5. Keluarkan baki 1/4 kertas lapik dan bentuk perlahan-lahan pembalut di tempatnya menggunakan tangan untuk lekatkan yang kemas. Jangan regangkan.

6. Sokongan hidrokoloid lutcahaya membolehkan klinisian untuk memantau pad Hydrofiber tengah dan menilai masa pembalut perlu ditukar. Pembalut boleh dibiar di tempatnya selama sehingga 7 hari tertakluk kepada penilaian klinikal dan protokol pembalut setempat.

7. Semua luka/insisi perlu dipantau secara kerap. Tanggalkan pembalut penutup PEMBEDAHAN AQUACEL Ag apabila dinyatakan secara klinikal (iaitu kebocoran, pendarahan berlebihan, rasa syak mengenai jangkitan atau pada 7 hari).

Untuk membalut insisi lutut. Lutut perlu berada lebih kurang pada 30 sudut darjah untuk penggunaan pembalut optimum.

Penanggalian Pembalut

Untuk menanggalkan pembalut, tekan ke bawah dengan lembut ke atas kulit dan dengan berhati-hati angkat satu dan berhati-hati angkat hujung pembalut dengan tangan anda yang lain. Regangkan pembalut untuk memecahkan meterai pelekat dan tanggalkan.

Langkah Berjaga-jaga Storan

Produk ini hanya untuk penggunaan tunggal sahaja dan dibekalkan steril.

Jika pakej dalaman rosak, jangan gunakan pembalut.

Simpan pada suhu bilik ($10^{\circ}\text{C} - 25^{\circ}\text{C}/50^{\circ}\text{F} - 77^{\circ}\text{F}$). Pastikan kering.

	Ujian aktiviti berterusan 7 hari (model luka simulasi)	Ujian zon Inhibisi (spektrum aktiviti)
<i>Stafilocokus aureus</i>	✓	✓
<i>Pseudomonas aeruginosa</i>	✓	✓
<i>Candida albicans</i>	✓	✓
MRSA		✓
VRE		✓
<i>Serratia marscesens</i> (tahan abtc)		✓
<i>P. aeruginosa</i> (tahan abtc)		✓
<i>Enterobacter doacae</i>		✓
<i>Klebsiella pneumoniae</i>		✓
<i>Escherichia coli</i>		✓

Sekiranya maklumat atau panduan lanjut diperlukan, sila hubungi Perkhidmatan Profesional Convatec atau lawati kami dalam talian di www.convatec.com

Dibuat di Republik Dominica

©2016 Convatec Inc.

®/™ menunjukkan tanda dagangan Convatec Inc. AQUACEL dan HYDROFIBER adalah tanda dagangan berdaftar Convatec Inc. di Amerika Syarikat.



Jangan Guna Semula



Tarikh Tamat Tempoh



Disterilkan dengan Sinaran Gamma
Bungkus



Jangan Guna jika
Rosak



Baca Arahuan Penggunaan



Nombor Pesanan



Pastikan Kering



Nombor Lot



Simpan pada Suhu Bilik
 $10^{\circ}\text{C}/50^{\circ}\text{F} - 25^{\circ}\text{C}/77^{\circ}\text{F}$